



KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI TAHUN 2026

JUN



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



BERITA HARIAN

08.06.2026 (ISNIN)

SPRM perlukan integriti tak boleh dipersoal

'Individu berintegriti tidaklah kebal. Mereka juga manusia seperti semua orang.' Ungkapan Giovanni Falcone, hakim Itali yang menjadi simbol perang terhadap mafia sebelum terkorban dalam serangan bom pada 1992 itu mengandungi peringatan penting kepada semua institusi penguat kuasa. Mereka yang diberi amanah memerangi rasuah tidak boleh mengharapkan kepercayaan awam diberikan secara automatik, sebaliknya perlu dibina dan dipertahankan setiap hari. Kata-kata Falcone wajar dijadikan azimat oleh bekas Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Seri Abdul Halim Aman yang kini memikul amanah sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ini kerana cabaran terbesar SPRM hari ini bukan sekadar memburu perasuah baik secara individu mahupun kartel, sebaliknya memastikan integriti suruhanjaya itu sendiri tidak boleh dipersoalkan. Agensi yang diberi kuasa menyalut orang lain mesti terlebih dahulu mampu meyakinkan rakyat bahawa seluruh organisasinya berada pada standard integriti tertinggi. Ini bermakna bukan sahaja pegawai penyalut di lapangan, malah barisan kepimpinan tertinggi termasuk Ketua Pesuruhjaya sendiri perlu sentiasa tampak bersih, telus dan bebas daripada sebarang konflik kepentingan atau persepsi yang boleh menjejaskan kredibiliti institusi.

Dalam konteks ini, kepimpinan baharu perlu mengambil iktibar daripada pengalaman era Tan Sri Azam Baki. Sama ada adil atau tidak dan berfakta atau spekulasi, beberapa isu timbul sebelum ini akhirnya berkembang menjadi polemik besar kerana persepsi awam tidak ditangani secara tuntas sejak awal. Dalam dunia penguatkuasaan moden, persepsi ibarat api kecil tidak boleh dibiarkan membakar kepercayaan umum, jauh sekali disatu ke bawah permaidani pejabat SPRM.

Pada masa sama, tugas SPRM selepas ini menjadi semakin bervariasi. Sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini, suruhanjaya berkenaan mengendalikan pelbagai siasatan berprofil tinggi membabitkan bekas pemimpin negara termasuk mantan Perdana Menteri, ahli politik, tokoh korporat dan individu berpengaruh. Keadaan ini menjadikan setiap tindakan SPRM diperhatikan bukan sahaja oleh rakyat, malah dianalisis melalui lensa politik kepartian. Apa sahaja keputusan diambil akan ditafsirkan oleh sesetengah pihak sebagai memihak atau menekan pihak tertentu.

Justeru, SPRM memerlukan lebih daripada keberanian menyalut, iaitu perlindungan institusi lebih kukuh. Kerajaan sudah memulakan reformasi pemisahan jawatan Peguam Negara dan Pendakwa Raya, tetapi bagaimana pula dengan cadangan meletakkan suruhanjaya itu di bawah Parlimen? Ini kerana persepsi campur tangan politik akan terus menghantui kes berprofil tinggi selagi reformasi tidak dilaksanakan lebih menyeluruh untuk mengukuhkan keyakinan terhadap proses penyalutan dan pendakwaan, sekali gus memberi ruang untuk pegawai menjalankan tugasnya dengan lebih bebas dan diyakini.

SPRM sudah menjadi agensi penguat kuasa paling di-geruni di negara ini, tetapi untuk muncul sebagai institusi antirasuah bertaraf dunia, jalannya masih panjang. Ini kerana ia memerlukan integriti yang tidak boleh dipersoal, ketelusan dapat dilihat rakyat serta reformasi institusi yang berani. Jika asas itu berjaya diperkukuhkan, SPRM bukan sahaja mampu memburu daripada bilis hingga jerung besar, malah boleh terbang jauh sebagai institusi yang benar-benar dihormati dan dipercayai rakyat.



SINAR HARIAN

08.06.2026 (ISNIN)

SPRM kesan tuntutan palsu RM9.01 juta

KUALA TERENGGANU - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan wujudnya penyelewengan melibatkan inisiatif kerajaan iaitu Program Daya Kerjaya 2.0 yang dilaksanakan sebelum ini, dengan nilai tuntutan palsu RM9.01 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, melalui siasatan yang dijalankan, pihaknya mengenal pasti 143 syarikat melibatkan 320 pekerja di seluruh negara terbabit dalam penyelewengan dana kerajaan dikendalikan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bermula pada 2024.

"Melalui Program Daya Kerjaya 2.0 ini, kerajaan memberikan insentif kepada maji-

kan dalam bentuk bayaran gaji RM1,500 sebulan kepada pekerja seperti orang kurang upaya (OKU), bekas banduan dan warga emas yang dilantik, selama enam bulan.

"Namun, berdasarkan risikan awal, didapati beberapa isu telah dikesan dari segi pelaksanaan. Antaranya, terdapat individu diisytiharkan pekerja tetapi sebenarnya tidak wujud," katanya sempena lawatannya ke Pejabat SPRM Terengganu di sini pada Ahad.

Katanya, pihaknya juga mengesan terdapat pekerja yang tidak memenuhi syarat tempoh minimum enam bulan pekerjaan, namun menerima bayaran penuh, selain wujud aktiviti penggunaan dokumen palsu bagi mendapatkan bayaran insentif tersebut.

Selain itu, katanya, pihaknya turut mengesan 1,638 lagi syarikat yang melakukan aktiviti sama membabitkan nilai kira-kira RM45 juta, namun kes berkenaan masih di peringkat awal siasatan.

Katanya, SPRM menerima kerjasama ibu pejabat PERKESO sepanjang siasatan dan akan terus mendapatkan bantuan daripada agensi tersebut di peringkat negeri bagi melancarkan operasi termasuk proses pengumpulan maklumat dan bahan bukti.

Abd Halim berkata, pihaknya memandang serius unsur penyelewengan atau kelemahan dalam pengurusan dana kerajaan yang diwujudkan bagi membantu rakyat.

- Bernama



SINAR HARIAN

09.06.2026 (SELASA)

Guru muzik berdepan 14 pertuduhan

Dakwaan amang seksual
terhadap enam pelajar
perempuan

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KLANG - Seorang guru muzik mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin, atas 14 pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap enam pelajar perempuan 15 tahun sebuah sekolah menengah di Sabak Bernam antara 2025 dan Februari lalu.

Idi Johan Mohd Zohdi, 45, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibaca secara berasingan di hadapan Hakim, Sharifah Haseindie Syed Omar.

"Saya tidak melakukan kesalahan itu dan mohon dibicarakan," katanya ditemani isteri, kakak dan adiknya.

Mengikut semua pertuduhan, bapa kepada seorang anak perempuan itu, didakwa melakukan amang seksual fizikal ke atas enam pelajar perempuan tersebut bagi maksud seksual.

Perbuatan didakwa dilakukan di kelas sekolah, stor alat muzik, sebuah rumah dan dalam kereta sekitar Sabak Bernam, antara Januari 2025 hingga Februari lalu.

Setiap pertuduhan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap



Idi Johan (kiri) memakai kemeja berwarna hitam, hadir ke Mahkamah Sesyen Klang pada Isnin.

Kanak-Kanak 2017 dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta sama yang membawa hukuman mengikut Seksyen 14 (b), penjara tidak lebih 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Seksyen 16 (1) itu memperuntukkan hukuman tambahan, penjara maksimum lima tahun dan tidak kurang dua sebatan, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Nor Suhaili Abu Bakar mencadangkan, tertuduh tidak diberikan jaminan kerana pertuduhan termasuk dalam kes tidak boleh dijamin.

Bagaimanapun, sekiranya mahkamah mahu memberikan jaminan, beliau memohon kadar itu ditetapkan RM20,000 bagi setiap pertuduhan.

"Termasuk syarat tambahan tidak

mengganggu semua mangsa dan melaporkan diri di balai polis sekali setiap bulan," katanya.

Peguam, Datuk Mohd Imran Tamrin mewakili lelaki itu merayu, anak guamnya diberi ikat jamin RM30,000 bagi semua pertuduhan.

"Dia anak ketiga daripada lima beradik, telah berkhidmat sebagai seorang pendidik sejak 2002 dan tidak mempunyai rekod jenayah lampau.

"Dia tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib pihak sekolah," katanya.

Selepas mendengar permohonan semua pihak, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebagai mana dicadangkan pembelaan.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 30 Julai depan.



BERITA HARIAN

09.06.2026 (SELASA)

2 didakwa beri suapan maklumat serbuan bitcoin

Shah Alam: Seorang pengurus dan penolong pengurus syarikat teknologi maklumat didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 10 pertuduhan memberi rasuah, bagi maklumat operasi serbuan perlombongan mata wang kripto (bitcoin) secara haram.

Lai Chung Lam, 40, dan Lee Chee Yong, 43, mengaku tidak bersalah di depan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud selepas semua pertuduhan terhadap mereka dibacakan secara bersekali.

Berdasarkan pertuduhan, Chung Lam dan Chee Yong secara bersama-sama didakwa memberi suapan keseluruhan RM56,000 kepada seorang individu melalui perantara di beberapa restoran dan butik di Bandar Sunway, Petaling Jaya pada 28 Ogos, 2 Oktober, 17 November, 16 Disember 2020 dan 10 Mei 2021.

Suapan wang tunai itu sebagai balasan memberikan maklumat berhubung operasi serbuan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) terhadap premis yang disyaki menjalankan perlombongan bitcoin secara haram melalui penggunaan elektrik secara curang.

Mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan jika ia berbentuk wang, atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi.

Bagi lima lagi pertuduhan pilihan, mereka didakwa dalam meneruskan niat secara bersama memberi suatu hadiah berupa wang tunai RM56,000 pada penama, tarikh, lokasi dan tujuan yang sama.

Justeru, mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun, atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Noorhani Muhmmmed Ayub menawarkan jaminan RM60,000 berserta syarat tambahan, iaitu menyerahkan pasport ke mahkamah, melaporkan diri ke pejabat SPRM dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.



BERITA HARIAN

10.06.2026 (RABU)

Selesai kes rasuah dengan kompaun

'Tertuduh tak boleh didakwa semula kes sama selepas bayar'

Tawaran diberi ikut Seksyen 92(1) AMLATFPUAA 2001

Fileh Saizya Ali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tawaran kompaun kepada tertuduh yang berdepan pendakwaan kes rasuah dibuat mengikut Seksyen 92(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Pegawai Negara, Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar menjelaskan bahawa tawaran kompaun tertabit hanya dibuat selepas mengambil kira latar belakang kes sepejabatnya serta menilai reputasi tertuduh.

Beliau berkata, dalam isu membabitkan seorang individu terbit rasuah didakwa pada Mei lalu dengan pertuduhan utama mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan pertuduhan pilihan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Pada 7 Mei 2026, tertuduh ditawarkan kompaun oleh SPRM mengikut Seksyen 92(1) AMLATFPUAA 2001 sebelum dia selesai membayar kompaun berkenaan pada 12 Mei 2026.

"Selepas tertuduh selesai membayar kompaun ditawarkan mengikut Seksyen 92(1) AMLATFPUAA tertuduh tidak boleh didakwa semula atas perkara sama."

"Dengan itu, pertuduhan utama mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan pertuduhan pilihan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan telah dimotokan ditarik balik. Berikutan itu, mahkamah memerintahkan tertuduh dibebaskan dan dibebaskan," katanya kepada BH semalam.

Seksyen 92(1) AMLATFPUAA 2001 memberi kuasa kepada agensi pengawal ke atas atau pihak berkuasa berkaitan dengan tindakan pendakwaan rayu menawarkan kompaun kepada mana-mana individu atau entiti bagi menyelesaikan kes tanpa melalui prosiding mahkamah yang panjang.

Kadar kompaun ditawarkan adalah tidak melebihi 50 peratus daripada amaran denda maksimum yang boleh dikenakan terhadap sabitan kes berkenaan, ter-



masuk denda harian jika ada.

Tawaran pendakwaan

Seksyen 92(4) pula menyebut jika sesuatu kesalahan didakwa mengikut subseksyen (1), tidak pendakwaan boleh dimulakan berkenaan kesalahan sama terhadap orang yang telah ditawarkan dan membayar kompaun.

Mohd Dusuki membuat penjelasan itu sebagai mengulas desakan pihak tertentu melancarkan kebangkitan mengenai beberapa tertuduh yang berdepan pendakwaan kes rasuah, selepas dan dibebaskan selepas membayar kompaun atas kesalahan yang dipertuduhkan kepada mereka.

Pada Ogos tahun lalu, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur melepas dan membebaskan Timbalan Ketua BERSATU Bahagian

Sekarang, Adam Radlan Adam Muhammad, daripada 12 pertuduhan rasuah serta pengubahan wang haram berkait projek Jana Wiawa yang dihadapinya selepas dia membayar kompaun sebanyak RM4.1 juta.

Bulan lalu, bekas ketua unit komunikasi korporat sebuah Kementerian dilepas dan dibebaskan pertuduhan memperoleh suap RM5,256 kira-kira tiga tahun lalu selepas membayar kompaun ditawarkan SPRM.

Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur membuat keputusan itu selepas Pegawai Pendakwa SPRM, A Selvam memaklumkan bahawa Nur Fazreen Mohamad Kamal, 45, sudah membayar kompaun susulan representasi dikemukakan peguamnya kepada pihak pendakwaan.



SINAR HARIAN

12.06.2026 (JUMAAT)

Tuntutan palsu Daya Kerjaya RM9 juta: 73 ejen, pemilik syarikat direman

KUALA LUMPUR - Seramai 73 individu yang terdiri daripada ejen dan pemilik syarikat ditahan reman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki memalsukan tuntutan insentif Daya Kerjaya 2.0 bernilai kira-kira RM9 juta.

Kesemua suspek yang terdiri daripada 48 lelaki dan 25 wanita berusia 20 hingga 70-an itu ditahan pada petang dan malam Selasa di pejabat SPRM seluruh negara kecuali Perlis.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati kesemua suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut antara tahun 2024 hingga 2025.

Katanya, mereka disyaki mengemukakan tuntutan palsu melibatkan bantuan penggajian kerajaan sebanyak RM1,500 sebulan selama enam bulan bagi setiap pekerja yang diambil bekerja oleh majikan sektor swasta serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Pada 9 Jun lalu, SPRM menerusi Bahagian Perisikan, Bahagian Siasatan dan SPRM negeri dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah melaksanakan satu operasi bersepadu.



Antara individu yang direman menerusi operasi dijalankan SPRM.

"Dalam operasi itu, pengeledahan dijalankan di 90 lokasi melibatkan premis syarikat dan seramai 83 individu ditahan terdiri daripada enam ejen dan 77 pemilik syarikat," katanya pada Khamis.

Menurutnya, hasil risikan yang dijalankan sejak November tahun lalu mendapati operasi tersebut menyasarkan 143 premis syarikat di seluruh negara serta 320 individu yang dikaitkan dengan tuntutan berkenaan.

Beliau berkata, sepanjang operasi itu juga SPRM telah merakam 104 percakapan melibatkan 32 orang kena siasat (OKS)

dan 72 saksi.

"SPRM turut membekukan 25 akaun bank syarikat yang mempunyai jumlah wang kira-kira RM390,000 bagi membantu siasatan," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

Menurutnya, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

"Siasatan masih diteruskan dan perkembangan lanjut akan dimaklumkan dari masa ke masa," jelasnya.



HARIAN METRO

12.06.2026 (JUMAAT)

Palsukan tuntutan Daya Kerjaya **RM9j**

48 lelaki, 25 wanita ditahan SPRM dalam operasi di seluruh negara

Oleh Ilah Hafiz Aziz
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 73 individu yang terbabit dalam kes pemalsuan tuntutan insentif Daya Kerjaya 2.0 bernilai kira-kira RM9 juta ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak Selasa lalu.

Difahamkan, puluhan individu berusia 20-an hingga 70-an berkenaan adalah ejen dan pemilik syarikat yang bertanggungjawab dalam kes berkenaan.

Kesemua mereka yang terdiri daripada 48 lelaki dan 25 wanita ditahan dalam operasi SPRM di seluruh negara, kecuali di negeri Perlis.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi BH mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Sementara itu, satu sumber berkata, kesemua suspek dipercayai membuat tuntutan palsu membabitkan bantuan pengajian daripada kerajaan sebanyak RM1,500 setiap bulan.

"Siasatan awal mendapati kesemua suspek disyaki melakukan perbuatan itu antara tahun 2024 hingga 2025.

"Kesemua suspek dipercayai membuat tuntutan palsu melibatkan bantuan pengajian daripada kerajaan sebanyak RM1,500 se-



ANTARA individu ditahan disyaki terbabit tuntutan palsu insentif Daya Kerjaya 2.0.

tiap bulan selama enam bulan untuk setiap pekerja yang diambil bekerja oleh majikan sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC)," kata sumber, di sini semalam.

Sumber berkata, sejak Selasa lalu, SPRM melalui Bahagian Perisikan, Bahagian Siasatan dan negeri bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk

menjalankan operasi bersepadu.

Melalui operasi itu, sebanyak 90 buah lokasi di-geledah membabitkan premis-premis syarikat, seterusnya menahan 83 individu yang terdiri daripada enam orang ejen dan 77 pemilik syarikat.

Risikan yang dijalankan sejak November tahun lalu itu menyasarkan 143 premis syarikat di seluruh ne-

gara dengan 320 individu yang dikaitkan dengan tuntutan itu.

"Melalui operasi itu, SPRM merakam 104 percakapan yang membabitkan 32 orang kena siasat (OKS) dan 72 saksi.

"Dalam operasi ini juga, SPRM turut membekukan sebanyak 25 akaun bank syarikat dengan jumlah kira-kira RM300,000," katanya.



HARIAN METRO

12.06.2026 (JUMAAT)

'Lapor SPRM jika anggota JPJ terbabit rasuah'

Nilai: Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak akan berkompromi terhadap mana-mana anggotanya yang dikesan atau didapati terbukti menerima suapan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata mana-mana pihak yang mempunyai bukti salah laku berkenaan dinasihatkan membuat laporan terus kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Kalau ada (kesalahan rasuah anggota JPJ), buat laporan kepada SPRM, kita tidak berkompromi dalam perkara ini kerana sememangnya menjadi matlamat JPJ ialah toleransi sifar terhadap isu rasuah.

"Kalau ada siapa-siapa (anggota) yang terlibat, kalau ada bukti mengambil suapan kita alu-alukan tindakan daripada pihak SPRM.

"Malah JPJ sendiri sen-

tiasa bekerjasama dengan SPRM untuk mencegah rasuah di kalangan pegawai, anggota-anggota kita," katanya kepada media selepas merasmikan Pejabat JPJ Cawangan Nilai, di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai dakwaan pemandu, e-hailing terpaksa membayar anggota JPJ RM800 kerana kesalahan membuat tempahan bagi pihak ketiga seperti tular di media sosial, kelmarin.

Loke berkata, pihaknya akan bertindak mengikut undang-undang sekiranya mempunyai bukti anggota JPJ melakukan rasuah.

"Jadi, kalau ada bukti daripada orang ramai yang dia tangkap melalui video, ada cubaan mengambil suapan tak kira siapa, pangkat apa, buat laporan kepada SPRM dan kita alu-alukan tindakan daripada pihak SPRM untuk terus tangkap," katanya.



BERITA HARIAN

12.06.2026 (JUMAAT)

73 ditahan palsu tuntutan Daya Kerjaya 2.0 RM9 juta

Siasatan awal
dapati suspek
disyaki lakukan
perbuatan antara
2024 hingga 2025

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 73 individu yang terbabit dalam kes pemalsuan tuntutan insentif Daya Kerjaya 2.0 bernilai kira-kira RM9 juta ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), sejak kelmarin.

Difahamkan, mereka yang berusia 20-an hingga 70-an itu ialah ejen dan pemilik syarikat bertanggungjawab dalam kes berkenaan. Seramai 48 lelaki dan 25 wanita ditahan SPRM di seluruh negara, kecuali Perlis.

Sumber berkata, semua suspek dipercayai membuat tuntutan palsu membabitkan bantuan pengajian daripada kerajaan sebanyak RM1,500 setiap bulan.

"Siasatan awal mendapati semua suspek disyaki melakukan perbuatan itu antara 2024 hingga 2025 yang membuat tuntutan palsu membabitkan bantuan pengajian daripada kerajaan sebanyak RM1,500 setiap bulan, se-



Antara individu ditahan di seluruh negeri disyaki palsu tuntutan insentif Daya Kerjaya 2.0. (Foto Ihsan SPRM)

lama enam bulan bagi setiap pekerja diambil bekerja oleh majikan sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC)," katanya di sini, semalam.

Operasi geledah 90 premis

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Sumber berkata, sejak Selasa lalu, SPRM melalui Bahagian Perisikan, Bahagian Siasatan dan negeri bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk menjalankan operasi bersepadu.

Katanya, melalui operasi itu, 90 tempat digeledah membabitkan premis syarikat dan menahan 83 individu, iaitu enam ejen dan 77 pemilik syarikat.

"Risikan dijalankan sejak No-

vember tahun lalu itu menyasarkan 143 premis syarikat di seluruh negara dengan 320 individu yang dikaitkan dengan tuntutan itu.

"Melalui operasi itu, SPRM merakam 104 percakapan membabitkan 32 orang kena siasat dan 72 saksi.

"Pada operasi itu juga, SPRM turut membekukan 25 akaun bank syarikat dengan jumlah kira-kira RM390,000," katanya.



SINAR HARIAN

17.06.2026 (RABU)

Jual sijil cuti sakit RM200 sekeping

Jururawat klinik
kerajaan antara
5 direman bantu
siasatan

Oleh NORAWAZNI YUSOF

PEKAN Lima individu termasuk seorang jururawat wanita dari klinik kerajaan antara direman bagi membantu siasatan berhubung kes jual beli sijil cuti sakit disyaki tidak sah.

Majistret Melody Woon Sze Mun membenarkan empat suspek ditahan empat hari sehingga 19 Jun manakala seorang lagi suspek direman tiga hari.

Kes berkenaan terbongkar apabila Pejabat Kesihatan Daerah Pekan menerima maklumat mengenai kegiatan penjualan sijil sakit didakwa berlaku dalam kalangan pekerja kilang di daerah



Dua suspek wanita direman berkaitan kes penjualan dan pembelian sijil cuti sakit palsu di Mahkamah Majistret Pekan.

iri pada 12 Mei lalu.

Bertindak atas maklumat dan risikan, polis menahan lima suspek berusia antara 30 hingga 55 tahun dalam operasi pada 15 Jun.

Mereka terdiri daripada tiga individu disyaki sebagai orang tengah, penjawat awam dipercayai membekalkan sijil tidak sah serta

seorang lagi individu dipercayai mendapatkan dan menggunakan dokumen berkenaan.

Hasil semakan mendapati, sijil berkenaan menggunakan nama dan cop seorang pegawai perubatan yang telah bertukar tempat bertugas sejak 2023.

Siasatan lanjut juga mendapati nombor siri sijil digunakan adalah buku rasmi diedarkan kepada sebuah klinik kerajaan.

Sijil tidak sah itu dijual pada harga antara RM50 hingga RM200 sekeping melalui beberapa individu bertindak sebagai orang tengah bagi mendapatkan pelanggan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan kerana pemalsuan bagi tujuan menipu dan Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.



Tiga suspek lelaki direman bagi membantu siasatan kes penjualan dan pembelian sijil cuti sakit palsu di Pekan.



HARIAN METRO

17.06.2026 (RABU)

Bernama

Kuala Lumpur

Lima petugas Penjara Taiping kini berdepan prosiding tindakan tatatertib manakala seorang anggota penjara sudah didakwa di mahkamah susulan insiden serangan terhadap lebih 100 tahanan yang mengorbankan seorang penghuni penjara tahun lalu.

Dalam insiden pada 17 Januari tahun lalu, media melaporkan lebih 100 tahanan di Penjara Taiping diserang kira-kira 60 warden ketika proses pemindahan dari Dewan B ke Blok E menyebabkan seorang tahanan, Gan Chin Eng, maut.

Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dalam kenyataan kelmarin, mengesahkan tindakan terhadap kakitangan penjara terbabit susulan

penelitian laporan serta rumusan Panel Inkuiri Awam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) berhubung insiden berkenaan.

Menurut JPM, pihaknya sudah memberikan kerjasama penuh kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan siasatan dijalankan secara bebas, telus dan menyeluruh.

"Hasil siasatan membawa kepada pertuduhan terhadap seorang anggota penjara di bawah Seksyen 304(b) Kanun Keseksaan.

Pada masa sama, lima lagi kakitangan penjara sedang berdepan prosiding tindakan tatatertib yang dilaksanakan oleh JPM," menurut kenyataan itu.

JPM berkata tindakan berkenaan mencerminkan komitmen berterusan jabatan dalam menegakan prinsip akauntabiliti tanpa melindungi mana-mana individu

yang didapati melanggar undang-undang, tanpa mengira pangkat atau jawatan.

"Jabatan mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap sebarang bentuk salah laku, penyalahgunaan kuasa atau pelanggaran undang-undang dalam perkhidmatan," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Panel Inkuiri Awam SUHA-

KAM dalam keputusan akhir inkuiri berhubung insiden berkenaan turut mencadangkan supaya Penjara Taiping dijadikan muzium kerana tidak lagi sesuai digunakan sebagai institusi penjara.

Dalam perkembangan berkaitan, JPM menerusi Kementerian Dalam Negeri (KDN) komited untuk meneruskan agenda pemodernan infrastruktur penjara termasuk perancangan pembinaan kompleks baharu bagi menggantikan institusi yang uzur.

Menurut kenyataan itu, Penjara Taiping yang kini berusia 146 tahun dan berstatus Bangunan Warisan Kebangsaan adalah antara institusi yang dikenal pasti memerlukan penggantian segera.

"Pembinaan fasiliti baharu yang lebih moden, selamat dan kondusif penting bagi meningkatkan kecapan pengurusan institusi, memperkukuh aspek keselamatan serta memelihara kebajikan prospek dan pegawai penjara," katanya.

INSIDEN SERANGAN DI PENJARA TAIPING

Lima berdepan prosiding tatatertib, seorang didakwa

100 tahanan
Penjara Taiping diserang
60 warden 17 Januari
tahun lalu menyebabkan
seorang tahanan mati



BERITA HARIAN

17.06.2026 (RABU)

Bekas pegawai IKRAM berdepan 158 tuduhan rasuah lebih RM98j

Pertuduhan dibacakan dalam tempoh hampir dua jam

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Seorang bekas Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas 158 pertuduhan menggunakan kedudukan bagi mendapatkan suapan berjumlah lebih RM98 juta sejak 2021 hingga 2025.

Fakhrudin Abd Karim, 57, yang berkhidmat dengan IKRAM Hulu Selangor, mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas semua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim, Datuk Mohd Nasir Nordin.

Fakhrudin kelihatan tenang se-

panjang prosiding berlangsung dengan dua jurubahasa bergilir membacakan pertuduhan itu dalam tempoh hampir dua jam.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ke-149, tertuduh sebagai seorang pegawai badan awam, iaitu anggota IKRAM Malaysia ditugaskan sebagai penanda tangan yang diberi kuasa kepada akaun bank milik IKRAM Hulu Selangor, didakwa mengguna kedudukannya mengarahkan 149 transaksi pemindahan dana pertubuhan itu berjumlah RM81,950,000 kepada akaun sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang didakwa mempunyai kepentingan dengannya.

Bagi pertuduhan ke-150 hingga 158 pula, Fakhrudin didakwa atas pertuduhan sama dengan mengambil tindakan mengarahkan sembilan transaksi pemindahan dana milik NGO sama ke dua akaun bank miliknya, berjumlah RM16,320,315.20.

Semua kesalahan didakwa dilakukan di pejabat IKRAM Hulu



Fakhrudin tiba Mahkamah Sesyen di Shah Alam, semalam.

(Foto BERNAMA)

Selangor dekat Bukit Beruntung, Rawang di antara 6 Januari 2021 hingga 6 Ogos 2025.

Semua pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Sebutan semula kes 7 Ogos

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Ahmad Akram Gharib, mencadangkan jaminan RM1 juta dengan dua penjamin mengambil kira jumlah suapan.

Beliau juga mencadangkan syarat tambahan, iaitu passport diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh tidak dibenarkan mengganggu saksi pendakwaan.

Peguam bela, Datuk N Sivanathan, memohon mahkamah mempertimbangkan jaminan berjumlah RM300,000 dengan alasan akaun tertuduh, keluarga serta syarikat miliknya kini dibekukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM500,000 dengan dua penjamin, passport tertuduh diserahkan dan tidak dibenarkan mengganggu saksi pendakwaan. Sebutan semula kes ditetapkan pada 7 Ogos.

Sementara itu, selepas prosiding selesai, peguam pemerhati IKRAM Malaysia, Ashwida Abd Samad, memaklumkan pertubuhan itu ada mengeluarkan notis bahawa tertuduh direhatkan dan tidak lagi terbabit dalam membuat sebarang keputusan dan operasi NGO sejak disiasat dalam kes berkenaan.

Sebelum ini, media melaporkan dua individu sebuah NGO direman keseluruhan sembilan hari bagi membantu siasatan kes penyelewengan dana awam berjumlah RM230 juta.

Selain 18 kenderaan mewah, SPRM menyita rumah dan hartanah kira-kira RM11 juta serta pelbagai harta alih lain, termasuk wang tunai dan jam tangan berjenama.



HARIAN METRO

17.06.2026 (RABU)



ANTARA individu direman bermula semalam bagi bantu siasatan kes penjualan dan pembelian sijil cuti sakit yang disyaki tidak sah.

LIMA DIREMAN KES JUAL BELI CUTI SAKIT PALSU

Jururawat antara disyaki terbabit

Pekan

Lima termasuk seorang jururawat direman antara tiga dan empat hari bagi membantu siasatan kerana disyaki terbabit kegiatan penjualan dan pembelian sijil cuti sakit palsu.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Melody Woon Sze Mun terhadap semua suspek berusia antara 30 hingga 55 tahun selepas meneliti permohonan diemukakan polis di kamarnya, di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Pekan Superintendan Mohd

Zaidi Mat Zin berkata, semua suspek termasuk jururawat bertugas di sebuah klinik kesihatan, di sini, ditahan antara jam 3 petang hingga 10 malam, kelmarin.

Menurutnya, kegiatan itu terbongkar selepas Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Pekan mengesan aktiviti penjualan sijil cuti sakit menggunakan dokumen rasmi kerajaan dikeluarkan secara tidak sah di klinik kerajaan, di sini, 12 Mei lalu.

Katanya, hasil siasatan dalaman PKD Pekan mendapati sijil cuti sakit itu

menggunakan nama, cop dan tandatangan seorang pegawai perubatan.

"Bagaimanapun, pegawai perubatan itu sudah bertukar ke hospital di luar daerah Pekan sejak 2023 dan susulan itu, agensi terbabit membuat laporan polis, 10 Jun lalu," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Mohd Zaidi berkata, hasil siasatan, polis menahan dua lelaki dan seorang wanita disyaki bertindak sebagai orang tengah menjual sijil cuti sakit serta seorang jururawat wanita berusia 55 tahun dipercayai

membekalkan dokumen rasmi kerajaan itu.

Menurutnya, polis turut menahan lelaki berusia 34 tahun yang bekerja di sebuah kilang, di sini, kerana disyaki membeli sijil cuti sakit palsu itu.

"Kumpulan terbabit dipercayai menjual sijil cuti sakit palsu itu antara RM50 dan RM200 sekeping," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan kerana pemalsuan bagi maksud menipu dan Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.



SINAR HARIAN

18.06.2026 (KHAMIS)

Kartel projek tumpas

13 individu direman dalam siasatan rasuah RM2.5 juta

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

IPOH – Seorang pengarah dan bekas pengarah sebuah agensi kerajaan antara 13 individu direman bagi membantu siasatan kes disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM2.5 juta daripada kontraktor.

Kesemua suspek dipercayai terlibat dalam kegiatan melantik syarikat kontraktor yang dikawal ejen kartel bagi memonopoli kerja-kerja lantikan terus dan sebut harga di agensi berkenaan.

Bahagian Komunikasi Strategik (BKS), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memaklumkan suspek terdiri 10 lelaki dan tiga wanita berusia antara 30 hingga 60-an yang ditahan kira-kira jam 8 malam hingga 11 malam pada Isnin ketika hadir memberikan keterangan di pejabat SPRM Perak.

Menurutnya, tiga daripada suspek yang melibatkan dua penjawat awam dan seorang pengarah syarikat direman selama dua hari bermula 16 hingga 17 Jun.

“Seramai 10 lagi suspek direman lima hari bermula 16 hingga 20 Jun selepas Majistret Anis Hanini Abdullah membenarkan permohonan reman yang dikemukakan SPRM di Mahkamah Majistret Ipoh.

“Daripada 13 suspek direman, lapan merupakan penjawat awam manakala lima lagi orang awam dan pemilik syarikat,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurut SPRM, siasatan awal mendapati kesemua suspek dipercayai bersubahat melakukan perbuatan tersebut antara tahun 2024 hingga 2026.

Katanya, kontraktor ditahan turut mengesahkan mereka perlu membayar rasuah antara 10 hingga 15 peratus kepada orang tengah sebelum wang itu disalurkan kepada pengarah dan bekas pengarah agensi kerajaan terbabit.

Pada Isnin lalu, Bahagian Siasatan SPRM telah menjalankan operasi di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Pahang dan Perak me-



Antara individu yang ditahan SPRM bagi membantu siasatan kes berkenaan.

nerusi Op Drain.

Menerusi operasi itu, sebanyak 25 lokasi yang terdiri daripada kediaman, premis pejabat dan agensi kerajaan telah digeledah.

Sitaan turut dijalankan membabitkan beberapa barangan seperti wang tunai ber-

jumlah kira-kira RM1.5 juta, sebuah jam tangan mewah, dua buah kenderaan, sebuah motosikal berkuasa tinggi dan barangan kemas bernilai kira-kira RM1 juta.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



BERITA HARIAN

18.06.2026 (KHAMIS)

Ops Drain



Suspek tiba di Mahkamah Majistret Ipoh, Perak bagi permohonan perintah reman.

(Foto ihsan SPRM)

Pengarah, bekas pengarah antara 13 ditahan reman

Suspek disyaki minta, terima rasuah RM2.5j daripada kontraktor

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang pengarah dan bekas pengarah sebuah agensi kerajaan di utara tanah air antara 13 yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam siasatan kes meminta dan menerima rasuah kira-kira RM2.5 juta daripada kontraktor.

BH difahamkan penahanan itu menjadi sebahagian operasi Ops Drain yang dilaksanakan SPRM sejak Isnin lalu bagi menumpaskan ejen kartel syarikat yang memonopoli kerja lantikan terus dan sebut harga agensi kerajaan.

Semua suspek adalah 10 lelaki dan tiga wanita berusia lingku-

ngan 30 hingga 60-an ditahan antara jam 8 hingga jam 11 malam ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Perak, Isnin lalu.

SPRM berkata, suspek disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM2.5 juta daripada kontraktor sebagai dorongan melantik syarikat kontraktor yang dikawal oleh ejen kartel syarikat bagi memonopoli kerja lantikan terus dan sebut harga agensi berkenaan.

"Siasatan awal mendapati semua suspek disyaki bersubahat melakukan perbuatan itu antara 2024 hingga 2026.

"Kontraktor yang ditahan juga mengesahkan mereka perlu membayar rasuah antara 10 hingga 15 peratus kepada orang tengah untuk diberikan kepada pengarah dan bekas pengarah agensi kerajaan itu," katanya.

Dalam penahanan itu, SPRM berkata, lapan daripadanya adalah penjawat awam, manakala lima lagi adalah orang awam dan pemilik syarikat.

"Tiga daripada mereka, iaitu dua orang penjawat awam dan

seorang pengarah syarikat, direman selama dua hari sehingga hari ini, manakala 10 lagi suspek direman lima hari bermula semalam sehingga 20 Jun ini," katanya.

Sita wang tunai RM1.5 juta

Perintah reman itu adalah selepas Majistret Anis Hanini Abdullah membenarkan permohonan reman dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Ipoh, Perak pagi semalam.

Isnin lalu, Bahagian Siasatan SPRM menjalankan operasi di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Pahang dan Perak menerusi Ops Drain.

Menerusi operasi ini, sebanyak 25 lokasi yang terdiri daripada kediaman, premis pejabat dan agensi kerajaan digeledah.

SPRM turut menyita beberapa barangan seperti wang tunai berjumlah kira-kira RM1.5 juta; satu unit jam tangan mewah; dua unit kenderaan; satu unit motosikal berkuasa tinggi dan barangan kemas bernilai kira-kira RM1 juta.

Kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN

19.06.2026 (JUMAAT)

Koperal polis didakwa miliki dadah di lokap mahkamah

KOTA BHARU - Seorang anggota polis berpangkat koperal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini pada Khamis atas pertuduhan memiliki dadah di lokap Kompleks Mahkamah Kota Bharu minggu lalu.

Mohammad Fakhirul Musa, 38, membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Rais Imran Hamid.

Dia didakwa memiliki dadah jenis methamphetamine seberat 19.8 gram di lokap kompleks mahkamah itu jam 8.29 pagi, 8 Jun lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(1) akta sama, memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan sebatan mak-

simum sembilan kali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Nadzir Abdullah, manakala tertuduh diwakili Mohd Azrizal Hamzi dan Muhammad Husni Mubarak Ghazali.

Mahkamah membenarkan jaminan RM3,500 dan menetapkan 30 Julai depan untuk sebutan semula kes. - *Bernama*



HARIAN METRO

19.06.2026 (JUMAAT)

2 askar didakwa seludup tiga warga Myanmar

Alor Setar: Dua anggota tentera didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan menyeludup tiga warga Myanmar melalui sempadan Malaysia-Thailand pada bulan lalu.

Tertuduh, Mohd Zulhilmi Aqwa A Rahman, 34, dan Mohamad Johan Iskandar Shah Jeffry Pidin, 26, hanya menganggu faham selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan ke atas mereka di hadapan Hakim Sharmila Abd Samad.

Mengikut kertas pertuduhan, Mohd Zulhilmi didakwa menggunakan kereta untuk menyeludup dua migran Myanmar berusia 29 dan 19 tahun.

Mohamad Johan pula didakwa menggunakan kereta Perodua Bezza untuk mengangkut migran Myanmar berusia 61 tahun.

Kedua-dua mereka di-

dakwa melakukan kesalahan itu di Check Point Foxtrot, Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam pada jam 7.13 malam, 22 Mei lalu.

Berikutan itu, mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 26A Akta Anti Perdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 yang boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda atau keduanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nurfatin Mastura Asri, manakala Mohd Zulhilmi diwakili peguam, Datuk Shanmugam Ganesan dengan Mohamad Johan tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 17 Ogos depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan proses serahan dokumen berkaitan.



DUA anggota tentera didakwa di Mahkamah Sesyen Alor Setar.



SINAR HARIAN

19.06.2026 (JUMAAT)

CEO PSM didakwa rasuah RM1.45 juta

Didakwa minta RM1 juta, terima RM450,000 suapan

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR - Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Stadium Malaysia (PSM), Ilyas Jamil mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas tujuh pertuduhan rasuah membabitkan projek menaik taraf Pusat Skuasy Nasional beberapa bulan lalu.

Ilyas, 42, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Suzana Hussin.

"Faham, saya mengaku tidak bersalah," katanya yang berdiri di kandang tertuduh.

Mengikut pertuduhan, Ilyas didakwa atas satu pertuduhan meminta suapan berjumlah RM1.005 juta dan enam pertuduhan menerima suapan ber-

jumlah RM450,000 daripada seorang pengarah syarikat kontraktor, Yap Yeow Kuen, 60.

Suapan itu didakwa sebagai upah kepada tertuduh selaku pegawai badan awam, iaitu Ketua Pegawai Eksekutif PSM, supaya bersetuju memilih Syarikat Aerolux Power Constructions Sdn Bhd sebagai pemenang tender Projek Menaik Taraf Gelanggang dan Kemudahan Sukan di Pusat Skuasy Nasional, Kuala Lumpur Sports City (KLSC), Bukit Jalil yang bernilai RM8,733,197.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Pejabat PSM di Stadium Nasional KLSC dan sebuah restoran di pusat beli-belah di Sri Petaling, Bukit Jalil antara 24 Februari hingga 13 April lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20

tahun serta denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Nuralis Mat, berkata pertuduhan itu termasuk dalam kes yang tidak boleh dijamin.

Bagaimanapun, beliau berkata sekiranya mahkamah mahu menggunakan budi bicara untuk memberikan jaminan, pihak pendakwaan mencadangkan jumlah yang tinggi dengan mengambil kira status tertuduh dan keseriusan kesalahan tersebut.

"Kami mencadangkan jaminan RM200,000 dengan seorang penjamin warganegara Malaysia.

"Ia termasuk syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport kepada mahkamah, melapor diri di pejabat SPRM sekali setiap bulan dan tidak mengganggu saksi pendakwaan," katanya yang hadir bersama Timbalan Pendakwa Raya,



FOTO: BERNAMA

Ilyas (dua dari kiri) didakwa atas tujuh pertuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen pada Khamis.

Julaila Jamaludin.

Sementara itu, peguam Mohd Yusmadi Mohd Yusoff yang mewakili Ilyas berkata, pihak pembelaan tidak membantah syarat tambahan, namun merayu agar anak guamnya diberikan ikat jamin antara RM50,000 hingga RM80,000 kerana beliau masih muda dan mempunyai seorang anak yang masih bersekolah.

"Ketika ini, Ilyas digantung kerja malah ketika disiasat, anak guam saya memberikan kerjasama yang baik kepada pihak ber-

kuasa.

"Tiada rekod beliau mengganggu saksi, selain saya percaya anak guam akan hadir ke mahkamah pada tarikh yang ditetapkan," katanya.

Suzana membenarkan Ilyas diikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin termasuk syarat tambahan yang dicadangkan pihak pendakwaan selepas mendengar permohonan kedua-dua pihak.

Mahkamah menetapkan 27 Julai untuk sebutan kes.



SINAR HARIAN

19.06.2026 (JUMAAT)

1,638 syarikat dipercayai
terbabit, 97 individu
ditahan SPRM

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

PUTRAJAYA - Sebanyak 1,638 syarikat dipercayai terlibat dalam pemalsuan tuntutan insentif Program Daya Kerjaya 2.0 membabitkan nilai kira-kira RM45 juta.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, kegiatan itu dikesan menerusi Op Daya yang dilaksanakan bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dari 9 hingga 17 Jun lalu.

Menurutnya, operasi itu menyaksikan pembukaan 63 kertas siasatan dengan 97 individu ditahan, terdiri daripada 11 ejen dan 86 pemilik syarikat.

"Daripada jumlah itu, seramai 77 individu telah direman bagi membantu siasatan.

"Sitaan melibatkan harta alih bernilai RM74,198 terdiri daripada emas, wang tunai dan lain-lain, manakala 36 akaun syarikat turut dibekukan membabitkan jumlah RM463,076.92," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM di sini pada Khamis.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Daya Kerjaya 2.0 merupakan bantuan penggajian kerajaan sebanyak RM1,500 sebulan bagi tempoh maksimum enam bulan untuk setiap pekerja diambil majikan swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

RM45 juta tuntutan palsu Daya Kerjaya 2.0

Program itu disasarkan kepada golongan orang kurang upaya (OKU), individu parol dan warga emas berusia lebih 60 tahun.

Mengulas modus operandi sindiket, Abd Halim berkata, pihak terlibat menggunakan data individu tanpa pengetahuan mereka untuk membuat tuntutan insentif.

Katanya, terdapat juga pekerja yang hanya menerima sagu hati sekali bayar antara RM50 hingga RM2,400 sedangkan tuntutan penuh dibuat atas nama mereka.

"Malah, maklumat OKU turut disalahgunakan bagi membolehkan bayaran dibuat kepada pihak lain.

"Kami juga mengesan terdapat akauntan syarikat perusahaan (enterprise) yang membuat permohonan dengan kebenaran pemilik syarikat. Pemilik hanya menerima komisen tanpa mengenali pekerja yang didaftarkan," katanya.

Sementara itu, Mohammed Azman berkata, kegiatan berkenaan dikesan hasil penelitian dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) oleh PERKESO.

Menurutnya, Bahagian Anti-Fraud, Etika dan Integriti PERKESO mula menjalankan penilaian serta pemeriksaan penghujung 2024 sebelum maklumat diserahkan kepada



Abd Halim (tengah) bercakap semasa Sidang Media Khas SPRM di Ibu Pejabat SPRM pada Khamis.

SPRM untuk tindakan lanjut Ogos 2025.

"Tindakan pantas Bahagian Anti-Fraud berjaya menyelamatkan RM5.33 juta daripada terus dituntut secara tidak sah.

"Setakat semalam, RM1.26 juta dikembalikan semula selepas tindakan diambil terhadap majikan terlibat," katanya.

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING
SETAKAT JAM 5 PETANG KHAMIS

1 PUTRAJAYA DILIHAT SEMAKIN BERPENYAKIT

CEO PCMA DIDAKWA MINTA RM1



BERITA HARIAN

19.06.2026 (JUMAAT)

1,638 syarikat dalam radar SPRM kes tuntutan palsu RM45 juta

Siasatan diperluas selepas lebih banyak syarikat disyaki salah guna insentif Daya Kerjaya 2.0

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 1,638 syarikat berada dalam radar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki terlibat dalam kes pemalsuan tuntutan insentif Daya Kerjaya 2.0 dianggarkan mencecah RM45 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, berkata pihaknya memberi tumpuan kepada 143 syarikat yang dikenal pasti pada fasa awal siasatan sehingga membawa kepada penahanan 97 individu menerusi Ops Daya.



Abd Halim bersama Dr Mohammed Azman (kiri) pada sidang media mengenai perkembangan siasatan Ops Daya di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

"Dalam unjuran awalan SPRM, sebanyak 143 syarikat dikenal pasti setakat ini tapi menerusi risikan dan siasatan kita, ada 1,638 syarikat sebenarnya.

"Dari segi unjuran nilai, jumlahnya ialah RM45 juta," katanya pada sidang media mengenai perkembangan siasatan Ops

Daya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Operasi masih berjalan

Abd Halim berkata, operasi masih berjalan dan akan diterus-

kan sehingga semua siasatan diperlukan selesai.

Katanya, SPRM akan terus mengesan individu dan syarikat yang disyaki menyalahgunakan program diperkenalkan bagi menyokong peluang pekerjaan serta membantu perniagaan.

Sebelum ini, 73 individu diper-

97 individu

ditahan menerusi Ops Daya

143 syarikat

dikenal pasti fasa awal

73 individu

dipercayai terbabit kes sebelum ini

cayai terbabit dalam kes pemalsuan tuntutan insentif Daya Kerjaya 2.0 bernilai kira-kira RM9 juta dilaporkan ditahan SPRM.

Difahamkan, mereka yang berusia 20-an hingga 70-an adalah ejen dan pemilik syarikat yang bertanggungjawab dalam kes berkenaan.



SINAR HARIAN

20.06.2026 (SABTU)

Kes beli MC palsu, empat lagi ditahan

**Siasatan polis kini
membabitkan sembilan
individu termasuk seorang
jururawat**

Oleh NIK AMIRULMUMIN NIK MIN

PEKAN - Polis menahan empat lagi individu bagi membantu siasatan berhubung kes jual beli sijil cuti sakit (MC) yang disyaki tidak sah di daerah ini.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, individu berusia lingkungan 40-an yang dipercayai pembeli MC itu ditahan di sekitar daerah ini pada Rabu lalu.

Menurutnya, polis akan mengambil keterangan daripada individu terbabit bagi melengkapkan siasatan.

"Lima individu termasuk seorang penjawat awam (jururawat) yang ditahan sebelum ini telah dibebaskan dengan jaminan polis pada Jumaat selepas tempoh reman tamat," katanya ketika ditemui sempena Majlis Penyerahan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia dan

Polis Pahang di Dewan Konvensyen Majlis Perbandaran Pekan pada Jumaat.

Yahaya berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan kerana pemalsuan bagi tujuan menipu dan Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Sebelum ini, lima individu termasuk seorang jururawat wanita dari klinik kerajaan direman bagi membantu siasatan berhubung kes jual beli sijil MC yang disyaki tidak sah di daerah ini.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Melody Woon Sze Mun selepas membenarkan permohonan pihak polis susulan penahanan kesemua suspek terbabit.

Kes berkenaan terbongkar selepas Pejabat Kesihatan Daerah Pekan menerima maklumat pada 12 Mei lalu mengenai kegiatan penjualan sijil MC yang didakwa berlaku dalam kalangan pekerja sebuah kilang di daerah ini.

Bertindak atas maklumat dan risikan, polis menahan lima suspek berusia antara 30 hingga 55 tahun dalam operasi di sekitar daerah Pekan pada 15 Jun.

Mereka terdiri daripada tiga individu yang disyaki bertindak sebagai orang tengah, seorang penjawat awam yang dipercayai



YAHAYA

membekalkan MC tidak sah serta seorang lagi individu yang dipercayai mendapatkan dan menggunakan dokumen berkenaan.

Hasil semakan mendapati MC berkenaan menggunakan nama dan cop seorang pegawai perubatan yang telah bertukar tempat bertugas sejak 2023.

Siasatan lanjut turut mendapati nombor siri MC yang digunakan merupakan sebahagian daripada buku MC rasmi yang telah diedarkan kepada sebuah klinik kerajaan di daerah ini.

Polis percaya MC berkenaan dijual pada harga antara RM50 hingga RM200 sekeping melalui beberapa individu yang bertindak sebagai orang tengah untuk mendapatkan pelanggan.



SINAR HARIAN

23.06.2026 (SELASA)

SPRM siasat RM53 juta pindah DAK ke Jepun

Suruhanjaya itu dapatkan keterangan beberapa agensi awam sama ada wujud unsur ketirisan

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka kertas siasatan isu pemindahan tiga gajah Asia dikenali sebagai Dara, Amoi dan Kelat (DAK) dari Zoo Taiping di Perak ke Zoo Tennoji di Osaka, Jepun.

SPRM dalam satu kenyataan pada Isnin berkata, siasatan memberi tumpuan kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) serta ejen yang terlibat dalam urusan pemindahan tiga ekor gajah berkenaan.

Menurutnya, siasatan turut menjurus kepada dakwaan ketirisan serta meneliti sama ada wujud unsur rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa dalam urusan pemindahan haiwan berkenaan.

"Pada 18 Jun lalu, pertubuhan Hak Asasi Hidupan Liar Malaysia (Hidup) menggesa SPRM menjalankan siasatan terhadap isu pemindahan DAK.

"Pertubuhan berkenaan turut mendakwa terdapat bayaran berkaitan urusan tersebut yang tidak disalurkan kepada kerajaan selain mengaitkan beberapa individu dengan transaksi dianggarkan RM53 juta," kata kenyataan itu.

SPRM berkata, siasatan ketika ini masih berada di peringkat awal dan sedang dijalankan secara menyeluruh bagi mendapatkan fakta serta keterangan berkaitan.

Menurut suruhanjaya itu, orang ramai diminta supaya tidak membuat sebarang spekulasi atau kesimpulan yang boleh menjejaskan proses siasatan yang sedang berlangsung.

"SPRM komited untuk menjalankan siasatan secara profesional, bebas dan telus serta tidak akan berkompromi terhadap sebarang perlakuan rasuah," katanya.

Pada Mac lalu, Dara, Amoi dan Kelat diterbangkan ke Jepun menerusi penerbangan khas yang mengambil masa selama enam



Dara, Amoi dan Kelat yang kini ditempatkan di Zoo Tennoji, Osaka.

jam.

Amoi berusia sembilan tahun, Dara (14) dan Kelat (20) dipindahkan sebagai sebahagian daripada Program Konservasi Gajah Malaysia bertujuan untuk pembiakan dan penyelidikan.

Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Perak, Ng Shy Ching berkata, kesemua gajah berkenaan kekal sebagai milik Zoo Taiping & Night Safari (ZTNS) dan tidak melibatkan sebarang pemindahan hak milik atau urusan niaga jual beli.

Bagaimanapun, Pengerusi Sekretariat Bahana Kesetiaan Negara (SBKB), Datuk S Kalai mendakwa, dokumen kesihatan, sejarah dan asal-usul ketiga-tiga gajah berkenaan menunjukkan haiwan itu tinggal di Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah sejak kecil, bukan seperti didakwa berasal dari Zoo Taiping, Perak.

Pada April pula, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup berkata, kementeriannya menggesa rundingan membawa pulang Dara, Amoi dan Kelat dimulakan susulan kebimbangan awam terhadap kebajikan haiwan berkenaan yang kini berada di Jepun.

Menurut beliau, kementerian memandang serius isu berkenaan selepas beberapa imej dan video tular di media sosial yang mencetuskan reaksi rakyat.

Susulan itu, Zoo Tennoji tampil memamerkan siri foto DAK yang didakwa hidup dalam keadaan baik di bawah jagaan mereka.

Menurut zoo berkenaan, ketiga-tiga gajah itu mencatatkan peningkatan berat badan yang konsisten dan ditempatkan bersama dalam ruang khas selepas perbincangan dengan kakitangan dari Malaysia.

LAPORAN
MUKA
DEPAN



HARIAN METRO

27.06.2026 (SABTU)

TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP BADAN PENGUATKUASAAN SPRM RENDAH, POLIS TINGGI

Oleh Ilah Hafiz Aziz
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Hanya 226 kes tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam tempoh empat tahun bermula 2021, berbanding tiga lagi badan penguatkuasaan utama negara.

Statistik Jabatan Perkhidmatan Awam menunjukkan, kes membabitkan SPRM pada 2021 adalah sebanyak 40 kes, diikuti 68 kes (2022), 51 kes (2023) dan 67 kes (sehingga September 2024).

Dalam tempoh sama,

tindakan membabitkan anggota dan pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula adalah 14,211 kes, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) (348 kes) dan Jabatan Penjara Malaysia (312 kes).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, dalam tempoh 2021 hingga Jun tahun ini, sebanyak 21 kertas siasatan rasuah dibuka terhadap pegawai SPRM.

Berbanding PDRM, katanya, sebanyak 377 kertas siasatan kes rasuah dibuka, JIM (234) dan Jabatan Penjara (20).

"Data yang direkodkan adalah keputusan kes ta-



Tahap integriti warga SPRM turut dipantau oleh badan pemantau bebas melalui Jawatankuasa Aduan (JKA) di bawah Seksyen 15 Akta SPRM 2009 [Akta 694]"

Azalina

tatertib yang diambil membabitkan warga SPRM dan agensi ini juga mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap sebarang bentuk rasuah, salah guna kuasa dan pelanggaran integriti.

"Setiap aduan atau maklumat yang diterima akan dinilai dan diuruskan mengikut prosedur serta peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dan se-

kiranya terdapat asas dan pembuktian yang mencukupi, tindakan tatatertib atau perundangan akan diambil tanpa mengira pangkat atau jawatan pegawai yang terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Dr Halimah Ali (PN-Kapar) yang disiarkan di laman web Parlimen, yang meminta kerajaan menerbitkan statistik integriti warga SPRM secara tahunan sebagai petunjuk akauntabiliti institusi.

Azalina berkata, tahap integriti warga SPRM turut dipantau oleh badan pemantau bebas melalui Jawatankuasa Aduan (JKA) di bawah Seksyen 15 Akta

SPRM 2009 [Akta 694].

"Ia berfungsi bagi memantau pengendalian SPRM membabitkan aduan salah laku pegawai di suruhanjaya ini yang tidak bersifat jenayah. Mereka yang dilantik menganggotai JKA terdiri daripada golongan profesional dalam pelbagai bidang," katanya.

Tambah beliau, Kerajaan MADANI dan SPRM sendiri akan terus memperkasakan mekanisme pemantauan dalaman serta memperkukuh budaya integriti dalam kalangan warga SPRM bagi memastikan tahap akauntabiliti yang tinggi dapat dikekalkan dan keyakinan masyarakat terhadap SPRM sentiasa terpelihara.



BERITA HARIAN

27.06.2026 (SABTU)

Dakwaan kartel perolehan, salah guna kuasa

23 jam Rolex, 15 barang kemas disita SPRM jadi harta kerajaan

Mahkamah benarkan permohonan lucut hak daripada adik ipar bekas Panglima Tentera Darat

Kuala Lumpur: Sebanyak 23 utas jam tangan mewah jenama Rolex dan 15 barang kemas yang disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada adik ipar bekas Panglima Tentera Darat (PTD) Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan, secara rasmi menjadi harta kerajaan, semalam.

Timbalan Pendakwa Raya, Mahadi Abdul Jumaat, berkata Ha-

kim Mahkamah Sesyen, Rosli Ahmad, memerintahkan supaya harta itu dilucut hak daripada Nor Shahira Atirah Anuar @ Kamaruddin, kepada kerajaan.

"Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk melucutkan hak harta itu, namun tiada pihak ketiga hadir ke mahkamah untuk menuntut harta terbabit," katanya selepas prosiding sebutan kes yang ditetapkan bagi kehadiran pihak ketiga, semalam.

Peguam Muhammad Kausar Mohd Khairi yang mewakili Nor Shahira Atirah, turut mengesahkan perkara berkenaan.

SPRM mohon siarkan warta

Dalam prosiding sebelum ini, SPRM memohon perintah mahkamah untuk menyiarkan warta bagi memanggil mana-mana orang yang mempunyai kepentingan terhadap harta terbabit



Muhammad Hafizuddeain dan isteri, Salwani Anuar@Kamaruddin ketika meninggalkan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada perbicaraan 8 Jun lalu. (Foto fail NSTP)

hadir ke mahkamah, mengikut Seksyen 41(2) Akta SPRM 2009.

Pada 4 Mei lalu, pendakwa raya selaku pemohon, memfailkan notis berkenaan terhadap Nor Shahira Atirah, memohon supaya 23 utas jam tangan mewah berkenaan dan 15 barang kemas yang disita daripada responden dilucutkan hak kepada kerajaan.

Permohonan berkenaan dibuat atas alasan pendakwa raya mengikut kuasa yang diberi oleh Seksyen 41(1) Akta SPRM yang dibaca bersama Seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah dan berpuas hati bahawa harta yang disita SPRM dilucutkan hak iaitu tiada pendakwaan jenayah atas suatu kesalahan mengikut akta terbabit.

Dalam permohonan itu, pemohon mendakwa harta terbabit diperolehi hasil daripada atau berkaitan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

BERNAMA



BERITA HARIAN

27.06.2026 (SABTU)

Tuduhan rasuah RM3.09 juta

Isa Samad kekal dipenjara 6 tahun, denda RM15.45j

Panel tiga Hakim Mahkamah Persekutuan tolak permohonan semakan bekas Pengerusi FELDA

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Bekas Pengerusi FELDA, Datuk Seri Mohd Isa Abdul Samad, kekal dipenjarakan selama enam tahun dan didenda RM15.45 juta atas sabitan sembilan tuduhan rasuah berjumlah RM3.09 juta membabitkan pembelian Merdeka Palace Hotel Suites (MPHS) di Kuching, Sarawak, 12 tahun lalu.

Panel tiga Hakim Mahkamah Persekutuan (Panel Semakan) dipengerusikan Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Datuk Azizah Nawawi, sebulat suara menolak permohonan semakan oleh Mohd Isa selepas mendapati tiada salah laksana keadilan dilakukan panel Mahkamah Persekutuan terdahulu.

Pada 10 Februari lalu, panel itu sebulat suara mengembalikan sabitan dan hukuman terhadap Mohd Isa, 77, selepas membenarkan rayuan pendakwaan terhadap

pembebasannya oleh Mahkamah Rayuan pada 6 Mac 2024.

Sebaik keputusan dibacakan, Mohd Isa yang berada di dalam kandang tertuduh, berpelukan dengan ahli keluarganya sebelum diiringi pegawai penjara kembali ke Penjara Sungai Buloh.

Mohd Isa yang juga bekas Menteri Besar Negeri Sembilan, memfailkan permohonan semakan terbabit pada 4 Mac lalu mengikut Peraturan 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1985.

Menurut Azizah yang membacakan penghakiman panel semakan yang dicapai melalui keputusan sebulat suara, hak Mohd Isa untuk merayu dan didengar sudah diberikan panel terdahulu, namun beliau memilih untuk tidak berbuat demikian.

Azizah berkata, panel itu mempunyai kuasa menilai semula keterangan di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan, sebelum mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan serta mengembalikan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan Mahkamah Tinggi.

"Hak untuk merayu dan hak untuk didengar telah diberikan sepenuhnya oleh panel Mahkamah Persekutuan terdahulu, namun pemohon memilih untuk tidak menggunakan peluang itu.

"Seperti yang diputuskan oleh mahkamah ini dalam kes Datuk Seri Mohd Najib Razak lawan Pendakwa Raya, tidak berlaku sa-

lah laksana keadilan sekiranya mahkamah sudah memberikan peluang kepada pihak pembelaan untuk mengemukakan hujahan, walaupun ia memilih untuk tidak berbuat demikian.

"Atas alasan itu, kami mendapati bahawa tiada berlaku salah laksana keadilan... oleh yang demikian, permohonan ini, dengan ini ditolak," katanya.

Turut bersidang dalam panel sama, Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Collin Lawrence Sequerah dan Datuk P Ravinthran.

Azizah berkata, tiada apa-apa dalam rekod yang menunjukkan bahawa pihak-pihak mengehendakan hujahan mereka kepada isu tertentu di Mahkamah Persekutuan.

Beliau berkata, oleh kerana keseluruhan kes berhubung sabitan dan hukuman di Mahkamah Persekutuan, terpulang kepada pihak-pihak untuk menentukan cara mereka membentangkan kes masing-masing berhubung isu berkenaan.

Tak tinggal kemuka hujahan

Azizah berkata, ketika prosiding di Mahkamah Persekutuan, peguam Mohd Isa menumpukan hujahan mereka kepada mempertahankan keputusan Mahkamah Rayuan (yang membebaskan Mohd Isa), dan bukannya menghujahkan merit pembelaan.

"Selepas memilih mengambil pendekatan itu, pemohon kini ti-



Isteri Mohd Isa, Datin Seri Bibi Sharliza Mohd Khalid (tengah) berbincang bersama peguam di Mahkamah Persekutuan, Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

dak boleh mendakwa bahawa beliau telah dinafikan hak untuk didengar.

"Berdasarkan nota prosiding, Mahkamah Persekutuan pada bila-bila masa tidak pernah menghalang atau mengehendakan pemohon daripada mengemukakan apa-apa hujahan sebelum keputusan.

"Oleh itu, tidak boleh dikatakan bahawa pemohon tidak diberikan peluang untuk berhujah mengenai merit pembelaannya," katanya.

Berhubung isu kegagalan membenarkan pemohon mengemukakan rayuan untuk diringankan hukuman, Azizah berkata, tiada sebarang kegagalan oleh panel terdahulu kerana Mahkamah Persekutuan hanya menjalankan bidang kuasa rayuan, manakala dapatan bersalah telah pun dibuat oleh Mahkamah Tinggi.

Beliau berkata, rayuan itu telah pun dipertimbangkan di peringkat Mahkamah Tinggi dan tidak memerlukan hujahan berasaskan kerana pihak pendakwaan tidak memohon hukuman yang lebih berat di Mahkamah Persekutuan.

Katanya, pendakwaan sebaliknya hanya memohon supaya sabitan dan hukuman yang telah

dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi dikembalikan.

Pada 2018, Mohd Isa didakwa atas sembilan pertuduhan menerima suapan untuk dirinya berjumlah RM3,090,000 melalui bekas pegawai khasnya, Muhammad Zahid Md Arip daripada bekas Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Syarikat Gagas Abadi Properties Sdn Bhd (GAPSB), Ikhwan Zaidel.

Ia sebagai tanda terima kasih kerana membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching pada harga RM160 juta oleh FELDA Investment Corporation Sdn Bhd (FICSB) pada harga RM160 juta.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu di Tingkat 49, Menara FELDA, Platinum Park, Persiaran KLCC, Kuala Lumpur, antara 21 Julai 2014 hingga 11 Disember 2015.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.